



JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL
(KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA)



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA

**BUKU PANDUAN
KELAB RUKUN NEGARA**

KANDUNGAN

1. Prinsip-Prinsip Rukun Negara
2. Lirik Lagi Lima Prinsip Rukun Negara
3. Pendahuluan
4. Latar Belakang Penubuhan Kelab Rukun Negara
5. Objektif Penubuhan Kelab Rukun Negara
6. Modus Operandi Kelab Rukun Negara
7. Pengisian Aktiviti Kelab Rukun Negara
8. Sumber Kewangan
9. Kesimpulan
10. Peraturan Kelab Rukun Negara
 - 10.1 Pendahuluan
 - 10.2 Prosedur Penubuhan Kelab Rukun Negara
 - 10.3 Peraturan
11. Lampiran B - Aktiviti Kelab Rukun Negara
12. Lampiran C - Cadangan Perancangan Tahunan Aktiviti Kelab Rukun Negara

Rukun Negara

Pengisytiharan

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

mendukung cita-cita hendak

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, Rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

Lima Prinsip Rukun Negara

Lima Prinsip Rukun Negara
Harus Menjadi Cara Hidup Kita
Bukan Sekadar Ikrar Sahaja
Sekali Sekala Dibaca Semata

Lima Prinsip Rukun Negara
Telah Menjadi Teras Perpaduan
Membentuk Satu Negara
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa

Chorus:

Amalkanlah Rukun Negara
Dalam Hidup Harian Kita
Tanpa Mengira Tua Muda
Mengekalkan Warisan Kita

Lima Prinsip Rukun Negara
Telah Menjadi Teras Perpaduan
Membentuk Satu Negara
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa

Lima Prinsip Rukun Negara

Ikrar:

Kepercayaan Kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan Dan Kesusilaan

Itulah Lima Prinsip Rukun Negara

Lagu Ciptaan : Dato' Wah Idris
Lirik Oleh : Dato' Cosmas J. Abah
Dato' Azman Amin Hassan

1. PENDAHULUAN

1.1 **Peristiwa rusuhan kaum/etnik pada 13 Mei 1969** telah menggugugat keamanan dan kestabilan negara pada ketika itu dan tindakan serta merta telah diambil untuk mengisytiharkan darurat di seluruh negara. Dengan pengisytiharan tersebut, sistem kerajaan berparlimen telah digantung dan seterusnya Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan untuk mengembalikan keamanan, menegakkan semula undang-undang negara serta memupuk suasana harmoni dan percaya mempercayai di kalangan rakyat.

1.2 Berikutan dengan peristiwa itu juga, MAGERAN telah menubuhkan Majlis Perundingan Negara di bawah Peraturan-Peraturan Perlu Majlis Perundingan 1970 yang berfungsi untuk membincangkan serta meneliti isu-isu perpaduan nasional dan mencari jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan hubungan antara kaum. Melalui beberapa perbincangan dan mesyuarat, Majlis Perundingan Negara telah memutuskan bahawa Malaysia yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum memerlukan satu ideologi negara yang boleh diamalkan oleh seluruh rakyat ke arah membentuk sebuah negara yang bersatu padu. Berdasarkan kepada keputusan tersebut, maka terbentuklah Rukun Negara yang telah diisytiharkan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 menjadi pegangan, panduan dan amalan oleh seluruh rakyat Malaysia ke arah pemupukan dan pengukuhan semangat perpaduan, ketaatan dan kecintaan kepada bangsa dan negara.

1.3 Dalam usaha menyuntik kesedaran dan penghayatan murid-murid mengenai prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara, maka Kelab Rukun Negara yang telah diperkenalkan di sekolah-sekolah dan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dimantapkan dan diperkukuhkan lagi selaras dengan **keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2004.**

2. LATAR BELAKANG PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA

2.1 Penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) ini telah diilham dan disarankan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi (ketika itu selaku Timbalan Perdana Menteri) semasa merasmikan sambutan **Hari Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2000 di Melaka.** Malah sebelum itu, ketika merasmikan Hari Perpaduan Peringkat Kebangsaan 1999 di Pahang, beliau telah menyeru agar seluruh rakyat Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip Rukun Negara untuk menjamin perpaduan dan kemakmuran negara terus berkekalan. Menerusi Kelab Rukun Negara ini, para pelajar akan didedahkan mengenai prinsip-prinsip tersebut supaya mereka benar-benar dapat memahami serta menghayatinya agar dapat diamal dan dijadikan budaya hidup seharian.

2.2 Selaras dengan saranan tersebut, pihak Kementerian Pendidikan pada masa itu telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Inisiatif ini dilaksanakan melalui **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.**

17/2000: Penubuhan Kelab Rukun Negara Di Sekolah-sekolah bertarikh **16 November 2000** kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri. Walau bagaimanapun, sejak Kelab Rukun Negara ditubuhkan, tiada sebarang garis panduan yang terperinci dikeluarkan untuk dijadikan sebagai panduan pengurusan dan pengisian program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab ini.

- 2.3 Atas kesedaran untuk mengukuhkan perhubungan kaum dan meningkatkan penghayatan masyarakat terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara, maka Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri (JPNIN, JPM) telah dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan kerjasama erat dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi tujuan tersebut (**Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 11 Ogos 2004**).

3. OBJEKTIF PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA

- 3.1 Memperkenalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- 3.2 Memberi pengertian dan kefahaman tentang lima prinsip Rukun Negara;
- 3.3 Menyubur dan mempertingkatkan kesedaran kerohanian akan kepentingan Rukun Negara sebagai asas norma kehidupan; dan
- 3.4 Menjadikan prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai satu amalan cara hidup yang berterusan bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara.

4. MODUS OPERANDI KELAB RUKUN NEGARA

Peranan yang perlu dimainkan bagi mewujudkan dan memperkukuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah adalah seperti berikut:-

JABATAN	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN / PELAKSANAAN
1. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional	<ul style="list-style-type: none">- Ketua Pengarah- Bahagian Perpaduan Masyarakat Dan Integrasi Negara	<ul style="list-style-type: none">- Garis Panduan- Cadangan aktiviti- Kepegawaian / Fasilitator- Bahan cetak- Promosi- Kewangan- Pemantauan- Pelaporan

JABATAN	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN / PELAKSANAAN
2. Kementerian Pelajaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia - Pengarah Bahagian Sekolah - Pengarah Bahagian Pendidikan Guru 	<ul style="list-style-type: none"> - Garis Panduan - Cadangan aktiviti - Kepegawaian / Fasilitator - Bahan cetak - Promosi - Kewangan - Pemantauan - Pelaporan
3. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri /Jabatan Pelajaran Negeri	<ul style="list-style-type: none"> - Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri - Pengarah Pelajaran Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> - Arahan - Kewangan - Cadangan dan pelaksanaan aktiviti - Pemantauan - Pelaporan
4. Pejabat Perpaduan Daerah /Bahagian/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Bahagian	<ul style="list-style-type: none"> - Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian - Pegawai Pelajaran Daerah/Bahagian 	<ul style="list-style-type: none"> - Pelaporan - Penyelarasan

JABATAN	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN / PELAKSANAAN
5. Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> - Pengetua/Guru Besar - Guru Penasihat 	<ul style="list-style-type: none"> - Penubuhan kelab - Pelaksanaan aktiviti - Pemantauan - Pelaporan - Sumber Kewangan

5. PENGISIAN PROGRAM DAN AKTIVITI KELAB RUKUN NEGARA

5.1 Kelab Rukun Negara yang diwujudkan di sekolah-sekolah akan melaksanakan pelbagai aktiviti yang berteraskan kepada pengukuhan **pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P)** Rukun Negara di kalangan murid. Selain daripada matlamat untuk memperkenalkan dan menyedarkan murid tentang kepentingan Rukun Negara, kelab ini juga akan dijadikan sebagai salah satu strategi utama ke arah **pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional di kalangan murid pelbagai kaum**. Bagi mencapai matlamat ini, aktiviti Kelab Rukun Negara akan dirangka dan dilaksanakan berlandaskan kepada lima prinsip Rukun Negara iaitu:

- * **Kepercayaan Kepada Tuhan**
- * **Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**
- * **Keluhuran Perlembagaan**
- * **Kedaulatan Undang-Undang**
- * **Kesopanan dan Kesusilaan**

5.2 Antara aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan melalui Kelab Rukun Negara ialah seperti di **Lampiran A**, manakala **Cadangan Perancangan Tahunan Aktiviti Kelab Rukun Negara** adalah seperti di **Lampiran B**.

5.3 Selain daripada aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas, dari semasa ke semasa Jabatan ini juga akan terus merancang dan merangka pelbagai aktiviti lain yang difikirkan lebih berkesan,

mantap dan relevan dengan situasi semasa. Selain itu, Jawatankuasa Kelab Rukun Negara yang akan ditubuhkan di sekolah juga digalakkan untuk melaksanakan aktiviti yang menjurus kepada peningkatan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara serta pengukuhan semangat patriotisme, perpaduan dan integrasi nasional di kalangan murid.

6. SUMBER KEWANGAN

- 6.1 Peruntukan daripada pihak pentadbiran sekolah (menggunakan peruntukan kokurikulum sedia ada);
- 6.2 Peruntukan daripada Ibu Pejabat Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri;
- 6.3 Sumbangan daripada pihak PIBG Sekolah;
- 6.4 Sumbangan daripada agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan swasta;
- 6.5 Perkongsian bijak dengan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan swasta; dan
- 6.6 Sumbangan individu dan lain-lain yang difikirkan sesuai.

7. KESIMPULAN

Bagi mencapai matlamat untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu padu selaras dengan wawasan negara, penubuhan Kelab Rukun Negara akan menjadi pemangkin kepada proses untuk mencapai perpaduan yang unggul di negara ini. Justeru, peranan Kelab Rukun Negara dari semasa

ke semasa akan diperkemas dan diperkukuhkan lagi supaya pencapaian matlamat tersebut dapat direalisasikan. Pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) terhadap falsafah Rukun Negara perlu dipertingkatkan terutamanya di kalangan murid untuk menjadikan mereka sebagai rakyat yang lebih bertanggungjawab dan prihatin dalam sebuah negara majmuk. Bagi mencapai matlamat ini, Jabatan Perpaduan Negara akan mewujudkan kerjasama erat dan berterusan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.

PERATURAN-PERATURAN KELAB RUKUN NEGARA

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Penubuhan Kelab Rukun Negara adalah *diwajibkan* kepada semua sekolah rendah dan menengah.
- 1.2 Pelaksanaan kelab ini di sekolah rendah dan menengah akan dikendalikan oleh murid dengan bimbingan guru kelab/pihak sekolah.
- 1.3 Kelab yang ditubuhkan di sekolah akan dipantau oleh satu jawatankuasa yang dibentuk di peringkat kebangsaan dan negeri. Selain memantau, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab kepada perancangan aktiviti, garis panduan, peraturan dan segala perkara yang berkaitan dengan Kelab Rukun Negara.

2. PROSEDUR PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA

- 2.1 Pengetua/Guru Besar hendaklah melantik Jawatankuasa Penaja di peringkat sekolah masing-masing.
- 2.2 Jawatankuasa Penaja tersebut hendaklah mengemukakan satu permohonan penubuhan Kelab Rukun Negara di sekolah masing-masing.

- 2.3 Setelah menerima kelulusan daripada pendaftar, Pengetua/Guru Besar, Jawatankuasa ini perlu memanggil satu mesyuarat agung untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara dan memilih ahli-ahli jawatankuasa.
- 2.4 Jawatankuasa Penaja hendaklah dibubarkan setelah terbentuknya Jawatankuasa Kelab Rukun Negara sekolah melalui mesyuarat agung.
- 2.5 Jawatankuasa hendaklah mengemukakan secara bertulis kepada Pengetua/Guru Besar dalam tempoh **14 hari** laporan-laporan seperti berikut:-
- i) Perlembagaan kelab;
 - ii) Senarai Ahli Jawatankuasa dan minit mesyuarat agung;
 - iii) Senarai aktiviti utama kelab; dan
 - iv) Laporan Kewangan.
- 2.6 Jawatankuasa Kelab Rukun Negara perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya **3 kali setahun**.

3. PERATURAN

Peraturan 1: Nama Pertubuhan

- 1.1 Kelab Rukun Negara ini boleh ditubuhkan sebagaimana yang terkandung dalam Peraturan Penubuhan Kelab/Persatuan Sekolah 1997.

- 1.2 Nama pertubuhan ini ialah '**Kelab Rukun Negara**' dan diikuti dengan nama sekolah masing-masing.
- 1.3 Alamat pertubuhan adalah alamat sekolah di mana kelab tersebut ditubuhkan.

Peraturan 2 : Objektiv

- 2.1 Objektif Kelab Rukun Negara ditubuhkan untuk:
 - 2.1.1 Memperkenalkan Rukun Negara kepada murid supaya mereka dapat mengetahui dan memahami falsafah serta prinsip-prinsip Rukun Negara;
 - 2.1.2 Menyemai prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara di kalangan murid;
 - 2.1.3 Mempertingkatkan kesedaran dan pemahaman murid tentang kepentingan Rukun Negara kepada negara;
 - 2.1.4 Mendidik murid supaya memahami, menghayati dan mengamalkan Rukun Negara;
 - 2.1.5 Menyemai dan mempertingkatkan lagi semangat perpaduan di kalangan murid berasaskan sikap saling percaya-mempercayai, hormat-menghormati, toleransi dan kerjasama antara kaum;

- 2.1.6 Mempertingkatkan penghayatan agama yang dianuti;
- 2.1.7 Mempertingkatkan kefahaman dan menghormati budaya, adat resam dan pantang larang kaum-kaum di Malaysia.

Peraturan 3 : Keahlian

- 3.1 Semua murid sekolah rendah dan menengah adalah **digalakkan** menjadi ahli Kelab Rukun Negara. Justeru, mereka hendaklah terlibat secara aktif dengan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab ini.
- 3.2 Keahlian Kelab Rukun Negara mestilah terdiri daripada pelbagai kaum dan tidak boleh dipelopori oleh satu kaum sahaja kecuali bagi sekolah-sekolah yang muridnya terdiri daripada satu kaum sahaja.
- 3.3 Ahli kelab adalah tertakluk kepada peraturan kelab dan berjanji mentaati perkara-perkara berikut:-
 - 3.3.1 Saling hormat-menghormati di antara satu kaum dengan kaum yang lain sama ada dalam kelab mahupun di mana-mana sahaja dan dalam apa jua keadaan.

- 3.3.2 Setiap ahli dikehendaki melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab;
- 3.3.3 Setiap ahli dilarang mempengaruhi ahli atau orang lain membuat propaganda yang boleh memecah-belahkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum;
- 3.3.4 Setiap ahli dilarang mengamalkan diskriminasi antara kaum dan seterusnya memantau agar amalan tersebut tidak diamalkan.
- 3.3.5 Setiap ahli dilarang menyentuh atau membicarakan secara terbuka perkara yang sensitif bagi sesuatu kaum;
- 3.3.6 Berusaha ke arah memelihara semangat perpaduan sehingga menjadi satu budaya di kalangan rakyat Malaysia.

Peraturan 4 : Aktiviti

- 4.1 Kelab Rukun Negara yang ditubuhkan harus melaksanakan aktiviti-aktiviti berdasarkan kepada lima prinsip Rukun Negara seperti berikut:-

- 4.1.1 **Kepercayaan Kepada Tuhan**

- Program/aktiviti yang berbentuk keagamaan;

4.1.2 **Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara**

- Program/aktiviti yang berbentuk patriotisme;

4.1.3 **Keluhuran Perlembagaan**

- Program/aktiviti yang berdasarkan perlembagaan;

4.1.4 **Kedaulatan Undang-Undang**

- Program/aktiviti yang berkaitan dengan undang-undang;

4.1.5 **Kesopanan Dan Kesusilaan**

- Program /aktiviti yang berbentuk pemahaman mengenai tatasusila dan kebudayaan sesuatu kaum.

4.2.1 Program/aktiviti lain yang difikirkan sesuai seperti dalam Buku Panduan Kelab Rukun Negara.

Peraturan 5 : Pentadbiran

5.1. **Jawatankuasa Induk Kelab Rukun Negara – Peringkat Kebangsaan**

Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab dalam menggubal dasar serta menentukan hala tuju Kelab Rukun Negara.

Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :

1. Penaung Bersama
 - Menteri di Jabatan Perdana Menteri
 - Menteri Pelajaran Malaysia

2. Pengerusi
 - Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
 - Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara
Dan Integrasi Nasional

3. Timbalan Pengerusi
 - Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Jabatan Sekolah Kementerian Pelajaran
Malaysia

 - Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Perpaduan Negara
Dan Integrasi Nasional

4. Setiausaha
 - Pengarah Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia
 - Pengarah
Bahagian Perpaduan Masyarakat
dan Integrasi Negara

5. Ahli
 - a) Bahagian Perpaduan Masyarakat dan
Integrasi Negara
 - b) Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia
 - c) Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia
 - d) Jabatan Penerangan Malaysia
 - e) Bahagian Teknik dan Vokasional

- f) Jabatan Perpaduan Negara
dan Integrasi Nasional Negeri

5.2. **Jawatankuasa Pelaksana Kelab Rukun Negara – Peringkat Negeri**

Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab dalam pelaksanaan aktiviti Kelab Rukun Negara di peringkat Negeri. Di samping itu, peranannya juga adalah dalam melaksanakan dan memantau pengendalian Kelab Rukun Negara di peringkat daerah dan sekolah-sekolah.

Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- | | | | |
|------|-------------------|---|---|
| i. | Penaung | - | Exco Perpaduan |
| ii. | Pengerusi bersama | - | Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri/
Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara
Dan Integrasi Nasional (JPNIN)
Negeri |
| iii. | Setiausaha | - | Penolong Pengarah JPNIN
Negeri
Ketua Unit Kokurikulum
Jabatan Pelajaran Negeri |
| iv. | Ahli | - | Ketua Sektor Pengurusan
Pembangunan Kemanusiaan
Jabatan Pelajaran Negeri |
| | | - | Pegawai Pelajaran Daerah/Bahagian |

- Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian

5.3 Jawatankuasa Peringkat Daerah/Bahagian

1. Penasihat - Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri/
Pengarah JPNIN Negeri
2. Pengerusi Bersama - Pegawai Pelajaran Daerah/
Pegawai Perpaduan Daerah
3. Setiausaha - Penyelia Kokurikulum
Pejabat Pelajaran Daerah
Pembantu Pembangunan Masyarakat
JPNIN
5. Ahli - Pengetua/Guru Besar (yang dilantik)

5.4 Jawatankuasa Peringkat Sekolah

Keanggotaan Jawatankuasa Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah adalah seperti berikut:

- i) Penaung - Pengetua/Guru Besar
- ii) Penasihat - Penolong Kanan Kokurikulum
- iii) Penyelaras - Guru Penasihat
- iv) Pengerusi - Seorang murid
- v) Timbalan Pengerusi - Seorang murid
- vi) Setiausaha - Seorang murid

- vii) Penolong Setiausaha - Seorang murid
- viii) Bendahari - Seorang murid
- ix) Ahli Jawatankuasa - 10 orang murid
- x) Juru Audit Dalam - 2 orang
(seorang guru dan seorang murid)

Jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari adalah Jawatankuasa Eksekutif yang dilantik melalui Mesyuarat Agung Tahunan yang perlu diadakan sebelum **31 Mac setiap tahun**. Jawatan Juru Audit Dalam dilantik oleh Pengetua atau Guru Besar.

Peraturan 6 : Tugas Jawata tankuasa

- Pengerusi**
- Bertanggungjawab ke atas keseluruhan perjalanan kelab.
 - Mempengerusikan mesyuarat kelab.
 - Menyusun dan merangka aktiviti kelab.
 - Merapatkan hubungan dengan Kelab-kelab Rukun Negara yang lain.
 - Berhubung dengan Pejabat Perpaduan Negeri / Daerah / Bahagian untuk mendapatkan bahan penerbitan dan sebagainya.
 - Lain-lain tugas pentadbiran kelab.
- Timbalan Pengerusi**
- Bertanggungjawab kepada Pengerusi.
 - Membantu Pengerusi mentadbir kelab.
 - Mempengerusikan kelab semasa ketiadaan Pengerusi.

- Membantu Pengerusi merancang aktiviti kelab.
 - Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengerusi.
- Setiausaha**
- Mencatat minit mesyuarat.
 - Menyediakan laporan kegiatan dan aktiviti.
 - Menguruskan urusan surat-menyurat.
 - Menyimpan dan merekodkan segala fail-fail kelab.
 - Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.
- Penolong Setiausaha**
- Membantu Setiausaha menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan.
 - Menjalankan tugas Setiausaha semasa ketiadaan Setiausaha.
- Bendahari**
- Bertanggungjawab menguruskan urusan kewangan kelab.
 - Menyimpan dan merekodkan segala urusan kewangan kelab.
 - Mengusahakan sumber kewangan kelab.
 - Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.
- AJK**
- Bertanggungjawab sepenuhnya kepada Pengerusi/Timbalan Pengerusi.
 - Membantu Jawatankuasa Eksekutif menjalankan urusan kelab.
 - Menghadiri mesyuarat kelab apabila dipanggil.
 - Membantu Pengerusi menambah keahlian kelab.
 - Membantu pengerusi menjalankan aktiviti kelab.
 - Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengerusi.

- Juru Audit Dalam** - Memeriksa dan mengesahkan penyata perbelanjaan Kelab Rukun Negara sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Peraturan 7 : Peraturan Pengurusan Kewangan Kelab Rukun Negara

7.1 Akaun bagi tiap-tiap kelab di sekolah dan hendaklah **di bawah kawalan** Pengetua /Guru Besar.

7.2 Pengetua/Guru Besar hendaklah menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan suatu akaun yang sewajarnya dan hendaklah menyimpannya di bawah jagaannya bagi tempoh tidak kurang dari enam bulan setelah berakhir tiap-tiap tahun kewangan dan hendaklah sedia ada bagi pemeriksaan oleh pihak pendaftar.

7.3 Apa-apa tajaan atau kutipan derma bagi setiap kelab di sekolah hendaklah mendapat kelulusan Pengetua/Guru Besar

Peraturan 8 : Mesyuarat Agung

8.1 Setiap Kelab Rukun Negara hendaklah mengadakan mesyuarat agung pada setiap tahun.

8.2 Peranan Mesyuarat Agung

- a) Memilih Jawatankuasa Kelab;

- b) Membentangkan Laporan Tahunan Kelab;
- c) Membentangkan Penyata Kewangan Kelab;
- d) Menerima dan meluluskan usul dan resolusi;
- e) Hal-hal lain.

Peraturan 9:

9.1 Jawatankuasa Induk Kelab Rukun Negara berhak untuk membatalkan, meminda dan menambah mana-mana peraturan yang terkandung di dalam buku ini pada bila-bila masa dan tanpa terikat kepada mana-mana pihak.

LAMPIRAN B-
PERANCANGAN TAHUNAN
AKTIVITI KELAB RUKUN NEGARA

PRINSIP 1: KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	STRATEGI PELAKSANAAN	TINDAKAN
1.	LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA	Supaya murid sentiasa menghayati falsafah serta prinsip-prinsip Rukun Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Arahan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. (KPM) • Setiap perhimpunan sekolah. • Hari Korikulum • Majlis rasmi. • Sambutan Bulan Kemerdekaan • Sambutan Bulan Perpaduan. • Kumpulan pembaca ikrar terdiri daripada pelbagai kaum. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/ Guru Besar • Semua murid • AJK Kelab Rukun Negara • Pegawai Perpaduan Daerah (Pemantauan)
2.	MEMPAMERKAN PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA	Supaya murid sentiasa mengingati prinsip-prinsip Rukun Negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Di pintu masuk hadapan sekolah. • Sudut khas dalam kelas dan pejabat. • Mural di dinding • Papan kenyataan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • AJK KRN
3.	NYANYIAN LAGU KEBANGSAAN 'NEGARAKU' DAN NEGERI	Menyemai rasa cinta dan bangga terhadap raja dan negara	<ul style="list-style-type: none"> • Semasa majlis sekolah. • Setiap perjumpaan kelab. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • AJK KRN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	STRATEGI PELAKSANAAN	TINDAKAN
4.	FORUM-MEMAHAMI KEPELBAGAIAN AGAMA	1. Memperkenalkan nilai-nilai sejagat dalam agama. 2. Menghormati kepercayaan agama lain. 3. Menghormati penganut-penganut agama lain.	<ul style="list-style-type: none"> • Menjemput ahli panel yang mewakili agama masing-masing. 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua murid • AJK KRN
5.	CERAMAH-Penerapan nilai sejagat dalam agama	1. Mendedahkan nilai-nilai sejagat dalam agama. 2. Menerapkan unsur-unsur positif dalam kehidupan.	<ul style="list-style-type: none"> • Menjemput panel penceramah bertauliah daripada JPNIN, KPM dan Jabatan Penerangan Malaysia. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • PIBG • JPNIN
6.	PERTANDINGAN PIDATO/DEBAT PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL	1. Mengasah minda dan mencungkil bakat murid 2. Memupuk minat membaca. 3. Menggalakkan penggunaan ICT untuk mencari bahan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan terbuka kepada setiap murid. • Sempena Bulan Kemerdekaan / Bulan Perpaduan • Peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • KPM • JPNIN • Sekolah • AJK KRN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	STRATEGI PELAKSANAAN	TINDAKAN
7.	LAWATAN KE RUMAH-RUMAH IBADAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalinya secara lebih dekat rumah-rumah ibadat penganut agama lain. 2. Menyemai perasaan/sikap menghormati prinsip kebebasan beragama di kalangan setiap warganegara. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajukan lawatan ke rumah-rumah ibadat yang dibuka untuk lawatan/seperti di Masjid Negara/Putrajaya, Batu Caves Selangor, Sam Poh Tong di Ipoh, Perak. • Mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa. • Mendapat kebenaran daripada rumah-rumah ibadat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah • AJK KRN
8.	MERAIKAN HARI PERAYAAN PELBAGAI KAUM	Mendedahkan murid kepada pelbagai hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan majlis sambutan di sekolah. Murid digalakkan melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. • Program dianjurkan dalam bulan-bulan berkaitan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • AJK KRN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	STRATEGI PELAKSANAAN	TINDAKAN
9.	PERTANDINGAN PENYEDIAAN FOLIO/BUKU SKRAP	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memupuk sikap mencintai dan menghargai anugerah Tuhan di kalangan murid. 2. Memberi kesedaran dan keinsafan kepada murid tentang kesan terhadap alam sekitar akibat daripada perbuatan manusia. 3. Menggalakkan penggunaan ICT untuk mencari bahan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan Buku Skrap tentang kepercayaan kepada Tuhan. • Sebelum dan selepas Hari Perayaan Agama; contoh: pada hari Maulidur Rasul. • Mengumpul bahan-bahan berkaitan dengan keindahan dan kemusnahan alam ciptaan Tuhan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Guru Agama/Guru Pendidikan Moral • AJK KRN
10.	KEM BINA INSAN	Mempertingkatkan kerohanian dan nilai-nilai murni di kalangan murid.	Mengadakan ceramah, forum, bengkel dan sebagainya.	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • AJK KRN • JPNIN
11.	BAHAN PENERBITAN	Mempertingkatkan kerohanian dan nilai-nilai murni di kalangan murid.	Mengadakan ceramah, forum, bengkel dan sebagainya.	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • AJK KRN • JPNIN

PRINSIP 2: KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	STRATEGI PELAKSANAAN	TINDAKAN
1.	LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA	Supaya murid sentiasa menghayati falsafah serta prinsip – prinsip Rukun Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Arahan daripada KPM. • Setiap perhimpunan sekolah. • Hari Kokurikulum. • Majlis rasmi. • Sambutan Bulan Perpaduan. • Kumpulan pembaca ikrar terdiri daripada murid pelbagai kaum. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • Semua murid • AJK Kelab Rukun Negara (KRN) • Pegawai Perpaduan Daerah (Pemantauan)
2.	NYANYIAN LAGU KEBANGSAAN 'NEGARAKU' DAN NEGERI	Menyemai rasa cinta dan bangga terhadap raja dan negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Semasa majlis sekolah. • Setiap perjumpaan kelab. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar • AJK KRN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	STRATEGI PELAKSANAAN	TINDAKAN
